

Tema 3 Cahaya Perpaduan

Tema 4 Seni Bersendikan Budaya

Hal. Buku Teks: 25 – 48

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Sudut Bahasa P))

► Imbuhan kata nama ialah kata yang menjadi kata nama apabila digandingkan dengan imbuhan awalan seperti *peN-*, *pe-*, *peR-* serta *ke-* dan imbuhan akhiran, iaitu *-an*. Contohnya, *penduduk*, *perasap*, *ketua*, *amalan*, *harian*, dan sebagainya.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

◀ SP 2.2.3; 5.2.1; 5.3.1; 5.6.1

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Baju tradisional yang dipamerkan di Kompleks Kraf Tangan Malaysia _____ belaka.
A cantik-cantik C elok-elok
B comel-comel D indah-indah
2. Suara penyanyi itu _____ ketika menyanyikan sebuah lagu ghazal.
A mendayu-dayu
B membelai-belai
C menjerit-jerit
D mengilai-ilai
3. Jalur Gemilang _____ di setiap rumah sempena sambutan Hari Kemerdekaan.
A bergerak-gerak
B berkipas-kipas
C berkibar-kibar
D berbuai-buai
4. Pelancong itu leka melihat _____ kayu yang dipamerkan di karnival itu.
A pengukir C mengukir
B ukiran D berukir
5. Encik Bakri sebagai _____ kampung berharap agar para penduduk bersatu padu.
A mengetuai C pengetua
B tertua D ketua

Soalan 6 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Para penduduk akan bertugas sebagai A pengawal pada waktu malam untuk B menjaga keamanan kawasan taman perumahan itu secara bergilir-gilir.
Tiada kesalahan C
D
7. Pengunjung termasuklah pelancong pelancong saling tawar-menawar untuk A B C D mendapatkan barang-barang dengan harga yang murah di Karnival Kesenian dan Kebudayaan itu. Tiada kesalahan
D

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

8. I Kawasan yang dipagar itu akan dijadikan *lapangan* terbang.
II Sejak kecil lagi Amira berminat dalam *lapangan* muzik tradisional.
III Mei Ying memang mahir dalam *lapangan* pertahanan diri.

- IV Datuk berhasrat untuk membina gelanggang silat di kawasan yang *lapangan* itu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
9. I "Perhati gerakan tangan penari melalui video ini *baik-baik*," kata Cikgu Salwa.
II Simpan patung wayang kulit ini *baik-baik* agar tidak rosak.
III Hubungan para penduduk di kawasan ini *baik-baik* dan harmoni.
IV Hisham dan Kanesh yang bergaduh tempoh hari sudah *baik-baik*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 10 – 11

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

10. Kami turut menyaksikan perarakan kereta berhias-kereta berhias semasa perasmian Citra Malaysia.
A perarakan kereta-kereta berhias
B perarakan kereta berhias-berhias
C perarakan kereta-kereta berhias-hias
D perarakan kereta berhias-kereta berhias
11. Rakyat Malaysia yang pelbagai kaum haruslah bersatu padu dan saling hormat-menghormati demi kesejahteraan negara.
A bersatu padu dan saling menghormat-hormati
B bersatu-satu padu dan saling menghormati
C bersatu padu dan menghormati
D bersatu padu dan saling hormat-menghormati

Soalan 12 – 13

Pilih ayat-ayat yang betul.

12. I Ukiran kayu yang dihasilkan oleh pengukir itu sungguh halus buatannya.
II Beliau menerima anugerah Tokoh Budayawan atas jasanya memartabatkan seni budaya Melayu.
III Juliahana dan rakan-rakannya mempersembahkan tarian zapin, bukannya joget.
IV Kami menjalankan tugas berhari-hari kelas berdasarkan jadual.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
13. I Banyak gedung-gedung terdapat di Jalan Tunku Abdul Rahman.
II Bendera digantung di bahu-bahu jalan ke Dataran Putrajaya semasa Hari Kebangsaan.
III Pengusaha kraf tangan tidak boleh bergantung pada orang tengah untuk menjual produk mereka.
IV Kain batik ini daripada Puan Lim yang bercuti di Terengganu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 14

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

14. Peribahasa yang berikut membawa maksud hubungan yang sangat baik dan susah senang sama-sama ditempuhi, **kecuali**
A ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.
B kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.
C hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.
D bagai aur dengan tebing.

Soalan 15 – 17 berdasarkan petikan cerpen di bawah.

“Profesor Azizah, ukuran bagi nilai kejayaan seseorang bukan pada menang atau kalah ... tapi pada kekuatan daya usaha dan ikhlas berjuang semata-mata untuk meningkatkan kemajuan diri. Ingat pesan cikgu.”

Terkebil-kebil mata Azizah apabila menerima mandat yang besar daripada Cikgu Zaleha.

Azizah pulang tengah hari itu dengan tekad dan semangat yang kuat untuk membuktikan bahawa usaha gigihnya dapat membina keyakinan dirinya, bukan wang yang banyak, bukan tenaga yang kuat.

Habis daun nipah, urat mengkuang, daun lalang dikerjakannya. Dengan berulang-ulang, dicubanya untuk meneroka pelbagai bentuk dan warna, aneka rupa dan teknik, cara dan persembahan. Dengan suntikan kata-kata semangat ayah dan bimbingan ibunda yang berjemari seni, tidak hairanlah Azizah menang pada peringkat daerah sebagai johan. Pada peringkat negeri pula, dia mendapat naib johan.

Pada peringkat kebangsaan pula, Cikgu Zaleha tersenyum puas atas kemenangan Azizah bagi kategori Karya Inovatif kerana Azizah yang digelarnya Profesor Serba Boleh itu telah berjaya *menambat hati* para hakim dan juri dengan menghasilkan Tudung Saji 20 Beradik. Set tudung saji menarik yang bermula dengan saiz seinci dan berakhir dengan saiz 48 inci itu telah mengambil masa selama lapan minggu untuk disiapkan.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen ‘Hadiah’,
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tip Menjawab 💡

- ▶ Baca petikan yang diberikan dengan teliti dan fahami isi petikan.
- ▶ Baca soalan dan pilihan jawapan yang dikemukakan dengan teliti.

15. Berdasarkan petikan, rangkai kata *menambat hati* membawa maksud

- A** menarik minat.
- B** memupuk rasa cinta.
- C** memikat minat.
- D** meningkatkan kecenderungan.

16. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kata semangat Cikgu Zaleha kepada Azizah?

- A** Setiap perkara dapat dilakukan jika rajin mencuba dan gigih berusaha.
- B** Kekuatan daya usaha dan keikhlasan dapat memajukan diri.

C Kegigihan dan keyakinan diri dapat mencapai kejayaan.

D Kejayaan tercapai jika mencubanya berulang-ulang.

17. Berdasarkan petikan cerpen, Azizah digambar sebagai seorang yang

- A** gigih.
- B** prihatin.
- C** berdikari.
- D** bertanggungjawab.